


**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA
PUSAKA: SATU KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT
PERPATIH DI SUNGAI UJONG.**

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1999**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA: SATU
KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT PERPATIH DI SUNGAI
UJONG**

Oleh

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian) pada sesi

Penyalia

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

8 - 3 - 99

Tarikh

10 - 3 - '99.

Tarikh

**PERUBAHAN DALAM SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA: SATU
KAJIAN KES DI KALANGAN PENGANUT ADAT PERPATIH DI SUNGAI
UJONG**

MAIZATUL AKMAM MOHD. HUSSAIN

**KERTA PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1999**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**28 Februari 1999
Tarikh**


**Tandatangan
Maizatul Akram Mohd. Hussain
48610**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan taufik dan hidayah serta keizinan-Nya jua, maka penyempurnaan Kertas Projek ini dapat direalisasikan seperti yang sedia ada.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Mohd. Yusof Md. Nor, selaku penyelia yang telah banyak menyumbangkan bakti dalam usaha menjalankan kajian dan menyiapkan Kertas Projek ini. Komitmen, bimbingan, nasihat serta idea yang beliau berikan begitu bermakna dan bernas sekali. Begitu juga jutaan terima kasih kepada barisan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, khususnya buat Drs. Lokman Mohd. Zen yang telah banyak mencurahkan nasihat dan ilmu kepada saya sepanjang tempoh pengajian ini.

Buat ayahanda Mohd. Hussain Hj. Saharum, bonda Sapiah Abd. Rani, nenda Hj. Saharum Baharuddin dan Hjh. Fatimah Mat Ibrahim, abang serta keluarga, terima kasih segalanya. Sesungguhnya, pengorbanan, kasih sayang, keprihatinan dan iringan doa kalian selama ini telah membangkitkan semangat dan keyakinan diri ini untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Buat rakan-rakan seperjuangan, terutamanya Idah, Maizura, Faiz, Syikin, Aisyah dan Ina, jasa kalian tetap dikenang.

Tidak ketinggalan, sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada barisan responden; Penolong Pengarah Seksyen Pembahagian Harta Pusaka Negeri Sembilan, En. Sulaiman Kadimin, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Hj. Murthada Ahmad, Penolong Pengarah Unit Khidmat Nasihat (Bahagian Undang-undang Syariah, Negeri Sembilan), Hj. Murad B. Mohd. Yusof, Kaunselor Unit Khidmat Nasihat (Bahagian Undang-undang Negeri Sembilan), Pn. Asmawati Baharudin, Buapak bagi kawasan Labu, Omar B. Tasmin, Penolong Setiausaha Penerangan UMNO Negeri Sembilan, Fadhilah Fadhil B. Othman dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Tunggal Negeri Sembilan, Pn. Che Tom Bt. Kassim.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung, terutamanya kepada semua kakitangan Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan, terima kasih di atas kerjasama dan perhatian kalian.

Sekian, Wassalam.

Maizatul Akmam Mohd. Hussain.
Jabatan Persuratan Melayu,
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Kajian yang memfokuskan kepada pengamal Adat Perpatih Di Negeri Sembilan ini, bertujuan untuk menganalisis serta memastikan sejauhmana pengamalan sistem pembahagian harta pusaka secara sistem adat, dilaksanakan di Sungai Ujong pada masa kini. Seterusnya, meninjau sama ada terdapatnya perubahan dalam sistem pembahagian hartanya setelah menerima pengaruh luar seperti Inggeris dan Islam. Justeru itu, membuat pengamatan tentang perbezaan ketara antara kedua-dua ciri-ciri sistem pewarisan harta pusaka iaitu Hukum Faraidh dan sistem Adat Perpatih. Hasil daripada kajian dan pengamatan yang telah dilakukan, ternyata bahawa pembahagian harta secara Hukum Faraidh adalah adil dan sempurna berbanding sistem adat. Ini berdasarkan Hukum Faraidh adalah bersumberkan Al-Quran, manakala sistem adat adalah satu bentuk ideologi hasil ciptaan manusia yang boleh diubah sekiranya bertentangan dengan lunas-lunas Islam. Demikian juga terdapat aspek yang menimbulkan kesamaran dan kekeliruan di dalam sistem pembahagian harta Adat Perpatih iaitu tentang konsep harta pusaknya, di samping beberapa konsep harta lain seperti harta carian, dapatan dan pembawaan. Konsep harta dalam Adat Perpatih amat mengelirukan kerana ia lebih mementingkan suku. Selain itu, kesamaran lain yang timbul ialah tentang nisbah pembahagian di antara waris-waris perempuan sendiri yang menerima harta pusaka itu tidak jelas. Cuma dinyatakan, pada kebiasaannya anak perempuan yang bongsu akan menerima harta pusaka yang terdiri daripada tapak rumah, rumah pusaka dan sebagainya. Ekoran itu, ini telah menjadi kontroversi di kalangan masyarakat adat dan masyarakat luar daripada lingkungan adat. Rata-rata masyarakat memperdebatkan dan mempertikaikan sistem pembahagian harta pusaka adat secara kolektif iaitu mengikut jurai keturunan wanita (*matrilineal*). Sistem ini dikatakan bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan berat sebelah iaitu seolah-olah menganaktirikan kaum lelaki. Di samping itu juga, kini wujudnya ketidakselarasan pembahagian harta di kalangan masyarakat adat di Sungai Ujong. Terdapat di kalangan masyarakat adat yang mengamalkan pembahagian harta menurut Hukum Faraidh, sistem adat dan terdapat majoriti masyarakatnya mengambil jalan tengah dengan membahagikan harta secara permuafakatan. Dengan itu, didapati perlaksanaan pembahagian harta pusaka di Sungai Ujong telah mengalami perubahan akibat daripada faktor sejarah, pengaruh luar, pengaruh ulama' dan peredaran masa. Demikian juga didapati bahawa pengamalan sistem adat di Sungai Ujong, khususnya di Labu/Nilai, Rasah dan Rantau adalah tidak menyeluruh dan mengalami perubahan dari semasa ke semasa.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v

BAB PERTAMA : PROPOSAL

1.1. Pengenalan	1
1.2. Justifikasi Kajian	
1.2.1. Latar Belakang Kajian dan Permasalahan	7
1.2.2. Skop Kajian	8
1.3. Gelintiran Kesusasteraan	10
1.4. Tujuan Kajian	12
1.5. Kerangka Teori/konsepsual	
1.5.1 Harta Pusaka	13
1.5.2 Sistem Pewarisan Harta Pusaka	14
1.6. Metodologi	16
1.7. Hipotesis	19

BAB KEDUA : PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH DAN HUKUM FARAI DH

2.1 Konsep Harta Menurut Adat Perpatih	20
2.1.1 Pusaka Benar	21
2.1.2 Pusaka Sendiri	23
 2.2 Harta Perkahwinan	 24
2.2.1 Harta Carian	25
2.2.2 Harta Dapatan	25
2.2.3 Harta Pembawaan	26
2.2.4 Carian Bujang	26
2.2.5 Carian Laki Bini	27
 2.3 Konsep Harta Pusaka Menurut Perspektif Islam	
2.3.1 Definisi Faraidh	28
2.3.2 Rukun Pepusakaan	29
2.3.3 Sebab-Sebab Pepusakaan	29
2.3.4 Syarat-Syarat Menerima Pusaka	30
2.3.5 Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	31
2.3.6 Waris Yang Menerima Pusaka	32

BAB KEDUA : PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH DAN HUKUM FARAI DH

2.1 Konsep Harta Menurut Adat Perpatih	20
2.1.1 Pusaka Benar	21
2.1.2 Pusaka Sendiri	23
 2.2 Harta Perkahwinan	 24
2.2.1 Harta Carian	25
2.2.2 Harta Dapatan	25
2.2.3 Harta Pembawaan	26
2.2.4 Carian Bujang	26
2.2.5 Carian Laki Bini	27
 2.3 Konsep Harta Pusaka Menurut Perspektif Islam	
2.3.1 Definisi Faraidh	28
2.3.2 Rukun Pepusakaan	29
2.3.3 Sebab-Sebab Pepusakaan	29
2.3.4 Syarat-Syarat Menerima Pusaka	30
2.3.5 Sistem Pembahagian Harta Menurut Syarak	31
2.3.6 Waris Yang Menerima Pusaka	32

BAB KETIGA : HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	33
BAB EMPAT : KESIMPULAN	42
4.1 Rumusan	42
BIBLIOGRAFI	49
LAMPIRAN	

BAB KEDUA.

PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT ADAT PERPATIH DAN HUKUM FARAIDH

2.1 KONSEP HARTA MENURUT ADAT PERPATIH

Pada dasarnya, harta pusaka menurut pengertian Adat Perpatih merupakan harta peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia atau harta yang sudah boleh dipusakai (Enawaty Anuwar, 1998:20).

Secara khususnya, harta pusaka adalah kepunyaan sesuatu suku. Harta itu diwarisi sejak turun-temurun daripada ibu kepada anak perempuan dan seterusnya kepada keturunan perempuan. Pewarisan harta pusaka kepada perempuan didasarkan oleh Adat Perpatih pada keadaan semulajadi, iaitu anak perempuan yang meneruskan perut atau suku-suku perempuan yang lemah, yang perlu dijaga keselamatannya dan dijamin kehidupannya (Abu Hassan Sham, 1995:295).

2.1.1 Pusaka Benar.

Pusaka Benar merupakan harta kepunyaan suku dan terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu, yang letaknya di atas tanah pusaka. Pusaka benar ini juga dikenali sebagai harta pusaka suku.

Pusaka benar ini di negeri asal Minangkabau terkenal dengan istilah Pusaka Tinggi yang dibicarakan di Pejabat tanah dan dalam "*Customary Tenure Enactment*" disebut Tanah Adat (*Customary Land*). Harta ini kepunyaan waris dalam pengertian ahli-ahli suku. Semua pusaka benar tersebut diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Tegasnya, pusaka benar itu diwarisi turun-temurun. Pewarisan harta pusaka benar ini diberikan kepada anak-anak perempuan. Seterusnya, kepada keturunan perempuan yang berikutnya. Oleh itu, tanah yang menjadi harta pusaka itu akan didaftarkan di atas nama wanita. Selain itu, hukum adat juga menetapkan agar semua pusaka benar yang dimiliki oleh seseorang perempuan yang telah meninggal dunia, wajib diwariskan secara pembahagian yang adil dan saksama kepada semua anak-anak perempuan, si mati.

Justeru itu, pemilik perempuan adalah pemegang amanah yang tertentu sahaja, iaitu berhak mengusahakan, mengambil faedah daripadanya dan sebagai tempat saudara lelaki berlindung semasa bujang atau bercerai. Peranan utama yang dimainkan oleh pemilik tanah pusaka ini ialah menjaganya sebagai milik sesuatu suku. Oleh yang demikian, harta itu diwariskan kepada anak-anak perempuan lain jika seseorang itu meninggal dunia bagi mengambil alih tugas menjaga milik sukunya itu dengan penuh

tanggungjawab. Dengan lebih tepat lagi, dalam istilah Hukum Adat, mereka itu hanya mempunyai hak pakai dan bukan hakmilik perseorangan atau hak mutlak.

Oleh kerana itu, harta pusaka benar tidak boleh dijual kecuali oleh sesuatu sebab tertentu dan dengan kebenaran Lembaga atau Undang. Dalam sistem Adat Perpatih juga, Buapak dan Lembaga merupakan wakil keluarga dan suku atau dengan pendek kata, merekalah sebagai pemegang kuasa ke atas tanah pusaka benar. Empat syarat yang membenarkan harta pusaka benar digadai atau dijual, ada digurindamkan oleh adat iaitu:

Mayat tabujua di ateh rumah,

Managakkan gala pusako,

Gadiah gadang indak balaki,

Rumah gadang ketirisan.

(Navis, 1986: 167-168)

Perbilangan ini menjelaskan, dalam perkembangan Adat Perpatih seterusnya telah dibolehkan juga seseorang mewujudkan atau menggadaikan harta pusaka benar dengan alasan-alasan yang benar-benar mendesak. Permasalahan yang mendesak termasuklah sesuatu yang melibatkan maruah anggota-anggota suku.

Dalam perbilangan tersebut, dinyatakan bahawa penggadaian dan penjualan amat perlu bagi memperolehi wang untuk membiayai upacara kematian seseorang anggota suku yang dianggap sama agungnya dengan upacara perkahwinan atau perlantikan

penghulu. Demikian juga dengan syarat untuk membiayai upacara menegakkan gelar pusaka iaitu dalam upacara melantik penghulu iaitu ketua adat yang baru. Di sini wang tersebut digunakan untuk membiayai segala perbelanjaan persiapan dan pelaksanaan seorang gadis yang telah lanjut usianya dan keperluan untuk perbelanjaan memperbaiki rumah gadang (rumah pusaka) yang telah rosak.

Tegasnya, penjualan serta penggadaian pusaka dibenarkan dalam sesuku dan diberikan hak keutamaan kepada waris yang paling dekat, seperti saudara seibu-sebapa, sepupu atau seanak ibu dan seterusnya.

2.1.2 Pusaka Sendiri.

Pusaka sendiri atau disebut juga Pusaka Pakaian Diri Sendiri adalah segala jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang-orang tuanya, seperti barang-barang kemas dan lain-lain harta carian. Pusaka ini dikenali juga sebagai harta pusaka waris (Faraded, 1979: 29). Manakala, pusaka sendiri di negara asal Minangkabau pula terkenal dengan istilah Pusaka Rendah (Mochtar Naim, 1968: 29). Harta ini merupakan harta nenek moyang yang pada asalnya merupakan harta penambahan dalam sesuatu suku.

Cara pewarisan harta pusaka waris tidak sama dengan harta pusaka (suku). Pewarisannya tidak terhad kepada kaum perempuan sahaja. Kaum lelaki dari waris yang sama juga berhak menuntut bahagiannya. Bagi menentukan cara pewarisan ini, permuafakatan sering diadakan untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan siapakah

ahli waris lelaki dan mungkin ahli waris perempuan. Ini bergantung kepada kata putus dari permuafakatan itu (Faraded, 1979: 27).

Demikian juga, harta pusaka sendiri ini berpotensi untuk menjadi harta pusaka benar dengan syarat harta tersebut diwariskan kepada anak perempuan atau saudara perempuan di dalam sesuatu suku mengikut susur galur ibu (Norazit Selat, 1996: 3).

2.2 HARTA PERKAHWINAN

Penceraian dan Pembahagian Harta

Dalam semua kes penceraian (cerai hidup atau mati), segala harta suami yang boleh bergerak ataupun tidak, harus diambil perkiraan tanpa mengira asalnya dan atas nama siapa ia dilakukan. Harta-harta ini akan dikendalikan oleh waris terdekat pihak isteri sehingga ia dapat diselesaikan oleh Buapak.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, apabila berlaku penceraian, kesemua harta pasangan itu dapat dikumpulkan kepada tiga jenis iaitu harta carian, harta dapatan dan harta pembawaan. Sistem pewarisan harta-harta ini telah ditetapkan oleh hukum adat berdasarkan kata-kata perbilangan:

Carian bahagi,
Dapatan tinggal,
Bawaan kembali.

2.2.1 Harta Carian.

Harta carian ialah harta yang diperolehi semasa pasangan itu hidup bersama sebagai suami isteri. Apabila berlakunya perceraian mati, jika suami yang meninggal dunia, harta itu akan diberikan kepada isteri untuk dijagai. Sekiranya isteri meninggal dunia pula, pihak yang masih hidup perlu menjaga harta tersebut untuk diwariskan kepada anak-anak mereka, sama ada lelaki atau perempuan. Jika suami isteri itu tidak mempunyai anak, harta tersebut harus dibahagikan di antara suku dan waris si suami dan si isteri. Dalam kes penceraian hidup pula, harta carian suami isteri akan dibahagikan di antara keduanya. Aturan adat dalam hal ini adalah:

Carian bahagi,

Mati laki tinggal ke bini,

Mati bini tinggal ke laki,

Mati laki bini tinggal ke anak.

2.2.2 Harta Dapatan.

Harta dapatan merupakan harta yang sedia ada pada si isteri semasa dia berkahwin. Harta ini terdiri daripada tiga jenis, iaitu harta carian semasa dia anak dara, harta yang diperolehi apabila berlaku perceraian (harta carian) dengan suami sebelumnya dan harta yang diperolehi semasa ia janda. Apabila perempuan itu meninggal dunia, harta dapatan

ini jatuh kepada anak perempuannya. Jika bercerai hidup, harta dapatan ini diserahkan kepada isteri. Oleh itu, suami tidak mempunyai hak ke atas harta tersebut.

2.2.3 Harta Pembawaan.

Harta ini adalah harta yang sedia dimiliki oleh lelaki pada waktu dia berkahwin. Punca harta ini lebih kurang sama dengan punca harta dapatan. Segala harta pembawaan harus diisytiharkan kepada kelompok keluarga isteri sewaktu berkahwin. Apabila isteri meninggal dunia, permohonan untuk pemulangannya harus dibuat pada kenduri "*meratus hari*". Pada ketika ini juga, si suami dijemput balik ke tempat suku asalnya. Tanpa isteri, si suami tidak mempunyai hak lagi tinggal di tanah pusaka isterinya.

Harta pembawaan ini akan dikembalikan kepada waris lelaki, jika lelaki yang meninggal dunia. Jika bercerai hidup, si suamilah berhak membawa balik harta pembawaannya, bersama dengan bahagian yang diperolehi daripada pembahagian harta carian suami isteri.

2.2.4 Carian Bujang.

Harta yang dimiliki oleh lelaki bujang, dinamakan carian bujang dan sekiranya harta itu hasil titik peluhnya sendiri, ia berhak meluputkan harta tersebut. Harta yang diberikan oleh ibu bapa sewaktu lelaki itu masih kecil juga dinamakan carian bujang, tetapi tidak boleh meluputkan harta itu tanpa pengetahuan keluarga sebelah ibunya. Apabila telah

berkahwin, carian bujang menjadi harta pembawaan dan apabila berlaku penceraian, harta itu kembali kepada lelaki itu atau warisnya. Sekiranya lelaki itu meninggal dunia, harta itu turun kepada keluarga perempuannya yang terdekat.

Jika pemilik carian bujang meninggal dunia, sama ada dia telah berkahwin atau bujang, harta itu diserahkan kepada warisnya dan dibahagikan mengikut undang-undang harta pusaka (E.N. Taylor, 1929: 15).

2.2.5 Carian Laki Bini.

Pada dasarnya, tujuan sesuatu perkahwinan itu adalah untuk menyambung suku. Oleh itu, pasangan yang berkahwin itu bertanggungjawab menyediakan kemudahan harta untuk anak-anak mereka. Semua harta yang diperolehi sepanjang perkahwinan adalah harta bersama. Ini termasuklah harta yang berbentuk tanah yang terletak di negeri yang tidak mengamalkan sistem hidup Adat Perpatih.

Dalam Undang-undang Adat dari Rembau, tiada istilah "*hadiah*" antara suami isteri. Mereka tidak boleh memberi milik tanpa pengetahuan pasangan masing-masing dan anak-anak mereka yang telah dewasa. Jika harta itu berbentuk tanah, isteri hendaklah didaftarkan sebagai pemilik bersama.

2.3 KONSEP HARTA PUSAKA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.3.1 Definisi Faraidh

Ilmu faraidh ialah satu ilmu, yang melaluinya dapat diketahui orang yang menerima pusaka dan orang yang tidak dapat menerima pusaka dan kadar yang patut diterima oleh setiap waris dan cara pembahagiannya (Mohd. Murtadha Ahmad, 1997: 2).

Manakala, faraidh menurut bahasa bererti sesuatu yang ditentukan. Menurut istilah syarak pula, faraidh ialah bahagian yang ditentukan oleh syarak bagi segala waris daripada peninggalan mayat melainkan mereka yang menghabisi harta (*asabah*).

Terdapat ulama' yang memberi definisi bahawa ilmu faraidh ialah satu kaedah yang diambil dari Feqah dan ilmu hisab yang dapat diketahui darinya apa yang dikhaskan kepada tiap-tiap empunya hak dalam pusaka dan nasib tiap-tiap orang dari harta itu.

Termasuk di dalam ilmu faraidh ini ialah, mengkaji rukun-rukun pepusakaan, sebab-sebab, syarat-syarat, halangan-halangan dan hak-hak yang bersangkutan dengannya, tertib hak-hak itu dalam menunaikannya dan juga menentukan siapa yang menjadi waris atau tidak dan bahagian-bahagian masing-masing serta cara pembahagiannya (Faraded, 1979: 42).

Menuntut dan mempelajari ilmu faraidh adalah fardu kifayah. Apabila terdapat seseorang yang mengetahui dan boleh menghuraikan perkara-perkara yang dimusykilkan di dalam bahagian faraidh, maka gugurlah dosa yang lain. Sebaliknya, jikalau ditinggalkan oleh ahli negeri itu daripada mempelajarinya, nescaya berdosa di atas sekalian masyarakat itu.

2.3.2 Rukun Pepusakaan.

Harta peninggalan atau bakinya yang setelah ditunaikan hak-hak yang bersangkutan dengannya, menjadi hak kepada waris-waris dengan jalan pepusakaan. Pepusakaan mempunyai rukun-rukun, sebab-sebab, syarat-syarat dan halangan-halangan bagi membolehkan para waris menerima pusaka. Apa yang dikatakan rukun pepusakaan itu ialah:

- a) Harta orang yang meninggal itu berhak dipusakai.
- b) Orang yang menerima pusaka itu ada hubungan darah sama ada kerana hubungan kerabat atau perkahwinan.
- c) Harta yang menjadi pusaka (harta yang dipusakai dari orang yang meninggal).

2.3.3 Sebab-sebab Pepusakaan.

Terdapat tiga sebab yang disepakati oleh para ulama' faraidh, bagi membolehkan seseorang itu menerima pusaka iaitu:

- a) Sebab perkahwinan iaitu di antara suami, isteri, akan menerima pusaka jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia.
- b) Kerabat iaitu hubungan darah yang mengikat para waris dengan orang yang meninggal dunia dan meninggalkan harta (hubungan darah di antara para pewaris dan muwarris).

2.3.4 Syarat-syarat Menerima Pusaka.

Dalam Islam, terdapat beberapa syarat yang dikenakan bagi pihak muwarris, waris dan harta peninggalan itu sendiri untuk diberikan kepada yang berhak menerima pusaka.

Syarat-syarat yang dikenakan kepada muwarris ialah ia benar-benar telah meninggal dunia sama ada meninggal secara hakikat atau keputusan hakim. Kematian secara hakikat ialah kematian muwarris sama ada dengan penyaksian semasa ia meninggal ataupun terdapatnya bukti-bukti yang menyatakan demikian. Kematian secara keputusan hakim pula ialah apabila seseorang itu menghilangkan dan terputus langsung khabar berita mengenainya tanpa diketahui hidup atau matinya. Hakim akan membuat keputusan mengikut pandangan Islam

Manakala, syarat yang dikenakan kepada waris supaya ia berhak menerima pusaka ialah ia masih dalam keadaan hidup. Pada waktu itulah harta pindah kepada waris dengan jalan pusaka. Hidupnya waris secara hakikat, thabit dengan penyaksian atau

pembuktian yang diterima oleh syarak. Hidup secara takdir pula ialah seperti anak dalam kandungan semasa bapanya meninggal dunia dan dikira walaupun ia masih merupakan segumpal darah, ia akan mendapat haknya apabila dilahirkan ke dunia dalam keadaan hidup.

Selain itu, syarat terakhir yang membolehkan seseorang itu menerima pusaka ialah tidak adanya larangan pepusakaan. Ini bererti tidak wujudnya perkara-perkara yang melarang seseorang itu dari mendapatkan pusaka (Faraded, 1979: 46-47).

2.3.5 SISTEM PEMBAHAGIAN HARTA MENURUT SYARAK.

Harta peninggalan, sesudah diselesaikan beberapa perkara yang wajib didahulukan, akan dibahagikan kepada waris yang ada pada waktu meninggalkan muwarris, menurut ketentuan yang ditetapkan oleh syarak. Apabila orang yang meninggal dunia itu hanya meninggalkan seorang waris, harta peninggalannya tidak perlu dibahagikan kerana waris yang seorang itu mengambil semua harta peninggalan atau mengambil baki sesudah diambil keperluan menguruskan jenazah, membayar hutang dan melaksanakan wasiat dalam batas yang dibenarkan.

Tetapi, apabila ahli waris itu lebih daripada seorang, hak itu perlu dibahagikan di antara para waris menurut kadar bahagian masing-masing yang telah ditetapkan oleh syarak. Bahagian-bahagian itu berbeza-beza mengikut darjat dan ada yang perlu didahulukan dan ada yang perlu dikemudiankan mengikut tertib darjatnya.

BIBLIOGRAFI.

- A.Samad Idris dan Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. Negeri Sembilan: Gemuk Di Pupuk, Segar Bersiram; *Adat Merentas Zaman*: Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan.
- Abdul Ghani Shaharuddin. 1983. Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Dikaji Dengan Teliti. *Dewan Masyarakat*, Januari: 22-24.
- _____. 1983. Sekali Air Bah Sekali Tanjung Berubah. *Dewan Masyarakat*, Februari :42-44.
- Abdul Halim Zulkifli. 1989. Pembahagian Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Kajian Kes Pesaka Menurut adat dan Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Hj. Mohammad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Abu Hassan Sham dan Marriyam Salim. 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Damiri B. Yahya. 1998. *Pembahagian Harta Secara Islam*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Ahmad Ibrahim. 1965/66. *Islam Customary Law/Malaysia*. Intisari Vol. 11, No.2.
- Asmawati Baharuddin. 1998. *Permasalahan Tanah Terbiar*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Che Tom Kassim. 1999. *Sistem Adat Melindungi Hak Kaum Wanita*, Labu, Negeri Sembilan. Temubual, 10 Januari.
- Dharmawijaya. 1969. *Pesaka Terserah Ke Anak Perempuan*. *Dewan Masyarakat*, November: 38-40.
- Dt. B. Nordin Yakub. 1995. *Hukum Kekerabatan Minangkabau (Jilid I & II)*. Jakarta. CV. Pustaka Indonesia.

- Enawaty Anuwar. 1998. Sistem Pewarisan Harta Pusaka Di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Perspektif Menurut Hukum Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fadhilah Fadhil B. Othman Safar. 1999. *Pembahagian Harta Secara Sistem Adat, Faraidh Dan Permuafakatan*, Rasah, Negeri Sembilan, Temubual. 10 Januari.
- Faraded Md. Dom. 1979. Persoalan Pembahagian Harta dalam Adat Perpatih. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hooker M.B. 1976. *Adat Laws in Modern Malaya; Land Tenure, Traditional Government And Religion*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Ibrahim bin Atin. 1956. *Perbilangan Adat. Pulau Pinang*. Sinaran Bros.
- Ismail B. Abdul Hadi. 1998. *Adat Perpatih*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 16 Jun.
- Mochtar Naim. ed. 1968. *Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Minangkabau*. Padang. Center For Minangkabau Studies Press.
- Mohd. Murad B. Mohd. Yusof. 1998. *Pewarisan Harta Berdasarkan Konsep Hukum Faraidh*, Seremban, Negeri Sembilan. Temubual, 26 Ogos.
- Mohd. Saleh Abas. 1965. *Mengenal Undang-undang*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shah B. Mohd. Said al-Haj. 1996. *Tambo Alam Naning*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1971. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. John Murry. 1983. cetak semula. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Norazit Selat. 1996. "Pembahagian Harta Pusaka Dalam Adat Perpatih". *Kertas Seminar Adat Perpatih*. Allson Klana Resort, Negeri Sembilan, 24 Julai.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Jabatan Penerbitan Utusan Melayu.
- _____. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- _____. 1997. "Peranan Institusi Adat Di Dalam Pembangunan dan Pentadbiran Tanah". *Kertas Kerja Seminar* Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih. Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan, 24-25 November.
- Noritah Sulaiman. 1994. Pembahagian Terperinci Dalam Al-Quran. *Al-Islam*. Julai:16.
- Nurdin Yakub. 1995. *Hukum Kekerabatan Minangkabau*. Jilid I & II. Bukit Tinggi. Pustaka Indonesia.
- Omar B. Tasmin. 1999. *Pembahagian Harta Pusaka Di Labu, Labu, Negeri Sembilan*, Temubual, 10 Januari.
- Othman Ishak. 1979. *Hubungan antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rossilah Bakar. 1994. Perbilangan Adat: Satu Kajian Dari Aspek Hukum Adat. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saiful Asmanizan Husin. 1997. Sistem Pembahagian Harta Pusaka Di Dalam Adat Perpatih: Satu Perbandingan Dengan Sistem Faraidh. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Sulaiman Kadimin. 1997. "Tanah Adat Negeri Sembilan, Permasalahan dan Cabaran. *Kertas Kerja Seminar* Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih. Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan, 24-25 November.
- _____. 1998. *Harta Pusaka Dan Tanah Adat, Seremban*, Negeri Sembilan, Temubual, 15 Disember.
- Taylor, E.N. 1929. *The Customary Law of Rembau*, JMBRAS, Vol. VII, pt.1.
- Thomas Lynn & Benda Beckmann Franz Van. 1985. *Change and Continuity in Minangkabau*. Athens, Ohio. Ohio University Center for International Studies, Center for Southeast Asian Studies.
- Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan di Melaka. *Tesis Sarjana Muda*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

LAMPIRAN**SOALAN KAJIAN SOAL SELIDIK****BAHAGIAN A (IDENTIFIKASI RESPONDEN)****(TANDAKAN / DI RUANG BERKAITAN)**

1) Umur

25-34 tahun	
35-44 tahun	
45-49 tahun	
50-59 tahun	
60 tahun ke atas	

2) Jantina

L			P
---	--	--	---

3) Status

Bujang	
Berkahwin	
Janda	
Duda	

4) Suku

Biduanda	
Batu Hampar	
Tanah Datar	
Seri Lemak	
Lain-lain. Sila nyatakan	

5) Taraf
Pendidikan

Tidak bersekolah	
Sek. Rendah	
Sek. Menengah	
Kolej/Universiti	

6) Pekerjaan

Kerajaan	Swasta	Bekerja sendiri	Pelajar	Suri Rumah	Lain-lain Nyatakan

7) Pendapatan

Kurang drp. 500	
500-800	
900-1000	
1000 ke atas	

8) Tempat tinggal

Labu/ Nilai	
Rasah	
Rantau	
Lain-lain. Sila nyatakan	

9) Tempoh masa
menetap di tempat
sekarang

Kurang daripada 5 tahun	
6-8 tahun	
8-10 tahun	
Lebih daripada 10 tahun	

BAHAGIAN B: PANDANGAN TERHADAP PEMBAHAGIAN HARTA SECARA SISTEM ADAT DAN HUKUM FARAIDH

1) Adakah saudara faham tentang pembahagian harta secara sistem Adat Perpatih?

amat faham	faham	sederhana faham	amat tidak faham

2) Wajarkah ia dipertahankan? Nyatakan alasan saudara.

amat wajar	wajar	sederhana wajar	amat tidak wajar

3) Bagaimanakah cara pembahagian harta di kalangan suku saudara?
Adakah mengikut adat, faraidh atau lain-lain (sama-rata).
Nyatakan.

4) Adakah keluarga saudara masih mengamalkan pembahagian harta secara sistem adat?

ya	tidak

5) Adakah harta yang anda miliki sekarang bersumberkan harta pusaka?
Beri penjelasan anda.

ya	tidak

6) Adakah anda faham tentang pembahagian harta mengikut hukum Faraidh?

amat faham	faham	sederhana faham	tidak faham

7) Adakah terdapat usaha-usaha untuk mengamalkan sistem pembahagian harta secara hukum Faraidh di kalangan ahli keluarga saudara?

ya	tidak

8) Terdapatkah sebarang permasalahan/bantahan daripada ahli keluarga saudara sekiranya pembahagian harta secara hukum Faraidh dilaksanakan?

ya	tidak

9) Adakah terdapat sebarang usaha untuk mengekalkan sistem adat ini di kalangan ahli keluarga saudara?

ya	tidak

10) Bagaimanakah tanggapan di kalangan pengamal adat, sekiranya seseorang itu tidak mengamalkan pembahagian harta secara sistem adat?

11) Adakah saudara merasakan pembahagian harta secara Islam amat adil?

ya	tidak